

(Contoh Jaminan Bank)  
**LETTERHEAD BANK**

Tarikh :

Pengawal Perumahan,  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jabatan Perumahan Negara  
Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan  
Aras 31, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya.

Tuan,

**NOMBOR JAMINAN BANK** :  
**JUMLAH** :  
**BAGI TEMPOH** : **HINGGA**

---

Kami, **(Nama Bank)** beralamat di **(Alamat Bank)**  
(Kemudian daripada ini disebut sebagai Penjamin) bersetuju dan berjanji dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kemudian daripada ini disebut sebagai Kementerian) untuk membayar sejumlah wang kepada Kementerian seperti yang disebutkan di dalam jaminan ini dan mengikut syarat-syarat seperti yang terkandung di dalam jaminan ini.

BAHAWASANYA :

1) **(Nama Pemaju)** yang beralamat di **(Alamat Pemaju)** (Kemudian daripada ini disebut sebagai pemaju) telah membuat permohonan bagi mendapatkan lesen pemaju perumahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 bagi memajukan **Lot** ..... **Mukim** ..... **Daerah** ..... **Negeri** ..... (Kemudian daripada ini disebut sebagai permohonan tersebut).

2) Pemaju adalah dikehendaki mengemukakan salinan .....  
..... bagi lot tersebut di atas (Kemudian daripada ini disebut sebagai dokumen-dokumen berkenaan) kepada Kementerian dalam tempoh 180 hari dari tarikh mula berkuatkuasanya jaminan ini atau tempoh yang mungkin boleh dilanjutkan oleh pihak Kementerian tetapi tidak melewati tempoh sah jaminan ini.

3) Sebagai balasan, Kementerian menimbangkan permohonan tersebut, Penjamin mengakujani dan bersetuju dengan Kementerian seperti berikut :-

(a) Apabila sahaja Kementerian membuat tuntutan bertulis yang Pemaju telah gagal mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan dalam tempoh masa yang disebutkan maka penjamin hendaklah dengan serta-merta membayar kepada Kementerian jumlah di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira samada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada pemaju atau penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak **Ringgit Malaysia** ..... **(RM** ..... **)** dan bahawa tanggungan penjamin untuk membayar kepada Kementerian di bawah jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

(b) Penjamin tidak akan dilepaskan dari jaminan ini oleh sebarang perkiraan di antara pemaju dengan Kementerian samada dengan atau tanpa kebenaran penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh pemaju atau oleh sebarang penangguhan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

(c) Jaminan ini berkuatkuasa mulai .....hingga .....

Semua tuntutan di bawah jaminan ini mestilah diterima secara bertulis oleh penjamin semasa jaminan ini masih berkuatkuasa. Jaminan ini tidak boleh diserahkan hak tanpa persetujuan bertulis daripada pihak Bank/Penjamin.

Bank tidak boleh, dalam apa juga keadaan, melepaskan CAGARAN atau JAMINAN ini tanpa persetujuan daripada Kementerian.

Ditandatangani

Bagi pihak Penjamin

.....